



MAJLIS PERBANDARAN MANJUNG

**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA**

Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berkeupayaan, berpengalaman dan berdaftar dengan **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA** yang **masih berkuatkuasa sekurang-kurangnya enam (6) bulan dari tarikh tutup tawaran** ini mengikut kod bidang seperti berikut :-

BUTIR – BUTIR TAWARAN & NO RUJUKAN	KELAYAKAN SYARIKAT (KOD BIDANG)	TARIKH JUALAN	TARIKH & MASA TUTUP	HARGA DOKUMEN (RM)
<b>SEBUT HARGA PEROLEHAN SEWAAN KOMPUTER ,KOMPUTER RIBA MESIN PENGIMBAS DAN PLOTTER UNTUK MAJLIS PERBANDARAN MANJUNG</b>  <b>NO. SEBUT HARGA: MPM. JKP 400-10/2/47</b>	<b>210101</b> - Hardware (low end technology)- supply all types of computer hardware including PC, notebook, printer document scanner,peripherals and maintenance  <b>atau</b> <b>210102</b> - Hardware (high and technology- All types of server, mainframe, high end printers, storage area network (SAN,NAS) including maintenance	<b>24.9.2020</b> (Khamis)  HINGGA <b>30.9.2020</b> (Rabu)	<b>30.9.2020</b> (Rabu)  <u>MASA</u>  <b>12:00 tengahari</b>	<b>30.00</b>

Dokumen tawaran akan dijual seperti tarikh di atas pada waktu pejabat. Dokumen tawaran **TIDAK akan dijual** selepas tempoh tersebut.

Penyebut Harga hendaklah berdaftar dengan Majlis Perbandaran Manjung terlebih dahulu sebagai pembekal di Jabatan Perbendaharaan. Dokumen tawaran hanya dijual kepada syarikat atau wakilnya yang sah sahaja yang menunjukkan **Sijil Kementerian Kewangan Malaysia (KKM) berserta satu salinan sijil tersebut dan Surat Wakil (bagi bukan pemegang asal sijil).**

**Sebarang pertanyaan boleh hubungi Encik Wahyu Hidayat bin Ahmad Shazali Bahagian Teknologi Maklumat, Jabatan Khidmat Pengurusan di talian 05-6898823/24.**

Bayaran dokumen tawaran hendaklah dibuat dalam bentuk **TUNAI SAHAJA** di kaunter bayaran Majlis Perbandaran Manjung (bayaran tidak akan dikembalikan).

Semua dokumen yang telah disempurnakan (**tawaran harga dan tawaran teknikal**) hendaklah dimasukkan ke dalam **dua (2) sampul surat yang berasingan dan kedua dua sampul ini hendaklah dimasukkan dalam satu (1) sampul surat besar** yang **berlakri** serta di alamatkan kepada Yang Dipertua Majlis Perbandaran Manjung, Jalan Pinang Raja, 32040 Seri Manjung dan dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di Kaunter Khidmat Pelanggan Lobi Blok B Majlis Perbandaran Manjung sebelum atau pada **30.9.2020 jam 12.00 tengahari**.

**Penyebut harga juga diminta membekalkan dokumentasi dalam bentuk *softcopy* ( *CD / pendrive*) untuk dokumen pengalaman dan dokumen -dokumen lain yang perlu diserahkan kepada Majlis.**

Majlis Perbandaran Manjung tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah atau mana-mana tawaran. Pihak Majlis juga tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang dokumen tender yang tidak terdapat di dalam Peti Tender setelah Peti Tender dibuka.

Bukti penghantaran bukan bukti penerimaan.

Sila rujuk Laman Web : [www.mpm.gov.my](http://www.mpm.gov.my)

**YANG DIPERTUA,  
MAJLIS PERBANDARAN MANJUNG,  
PERAK DARUL RIDZUAN**